

## **Polisi dan Prosedur**

---

Nama Polisi: Polisi Kebebasan Akademik dan Kecemerlangan Profesional

---

Nombor Polisi: UTM.P.A.0.4

---

Diluluskan Oleh: Senat : 8 Ogos 2011

---

Tarikh Kuat kuasa: 8 Ogos 2011

---

Semakan Terakhir: 8 Ogos 2011 (Tarikh akhir semakan semula 8 Ogos 2014)

---

### **SEKSYEN 1 – PENGENALAN**

#### **TUJUAN**

Polisi ini bertujuan melindungi kebebasan pengajaran, kebebasan penyelidikan dan kebebasan ekspresi serta penerbitan di kalangan staf akademik dan penyelidik universiti. Polisi ini membolehkan Universiti meneraju pembangunan modal insan dan teknologi inovatif yang menyumbang ke arah penerokaan ilmu dan penjanaan kekayaan Negara. Kebebasan akademik ini memerlukan semua aktiviti pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan diukur dengan merujuk kepada standard profesional bagi mengekalkan hasrat Universiti untuk mencapai kecemerlangan akademik.

#### **SKOP**

Polisi ini terpakai kepada semua staf akademik dan penyelidik yang dilantik oleh Universiti.

#### **DEFINISI**

<b>Perkataan/Istilah</b>	<b>Definisi</b>
Staf akademik	Seseorang yang dilantik menjadi tenaga pengajar oleh Universiti, termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan tutor.
Penyelidik	Seseorang yang dilantik menjadi penyelidik oleh Universiti, termasuklah pasca kedoktoran, pegawai penyelidik dan pembantu penyelidik.
Nilai teras integriti akademik	Enam nilai teras integriti yang terkandung dalam Garis Panduan Integriti Akademik Institut Pengajian Tinggi Malaysia iaitu amanah, bijaksana, akauntabiliti, hormat, telus dan adil.

## KONTEKS PERUNDANGAN

Polisi ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia 2010 dan Statut Universiti Teknologi Malaysia. Dalam mendukung kebebasan akademik, etika serta profesionalisme staf akademik juga harus dipelihara selaras dengan Garis Panduan Integriti Akademik Institut Pengajian Tinggi Malaysia (2011).

<b>Nama Rujukan</b>	<b>Bahagian/Rujukan</b>
Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia 2010	Bahagian III Seksyen 24.(3)
Statut Universiti Teknologi Malaysia (Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Atau Institut)	Bahagian II Seksyen 5.(1)(a)
Garis Panduan Integriti Akademik Institut Pengajian Tinggi Malaysia(2011), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	Seluruh dokumen

## SEKSYEN 2 - POLISI

### PRINSIP

Universiti Teknologi Malaysia komited untuk menegakkan dan memelihara kebebasan akademik serta kecemerlangan profesional di kalangan staf akademik dan penyelidik. Prinsip ini selaras dengan misi dan slogan Universiti bagi menjana minda yang kreatif dan inovatif. Perlindungan ini perlu bagi memastikan staf akademik dan penyelidik mempunyai kebebasan untuk meneroka, mempelopori serta menyebarkan ilmu pengetahuan kepada pelajar dan masyarakat.

### POLISI

1. Staf akademik dan penyelidik bebas untuk menjalankan aktiviti kesarjanaan melalui pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perkhidmatan kemasyarakatan secara beretika selaras dengan nilai teras integriti akademik bagi memenuhi tanggungjawab sebagai warga negara seperti yang termaktub dalam undang-undang Malaysia.
2. Staf akademik bebas untuk membincangkan dalam bilik kuliah, dengan kaedah mereka tersendiri, segala bahan yang relevan dengan kursus yang di ajar seperti tercatat dalam hasil pembelajaran kursus.
3. Staf akademik dan penyelidik bebas meneroka dan mengembangkan bidang ilmu dan berkongsi hasil penyelidikan dalam bentuk penerbitan dan harta intelek.
4. Staf akademik dan penyelidik bebas mengeluarkan pandangan dan berkongsi kapakaran dalam bidang masing-masing untuk kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.
5. Staf akademik bebas untuk mencadang penambahbaikan polisi akademik dan universiti dengan menggunakan pendekatan yang aman dan sah di sisi undang-undang.

## SEKSYEN 4 – TADBIR URUS

### TANGGUNGJAWAB

<b>Pemilik Polisi</b>	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
<b>Pengurus Polisi</b>	Seksyen Dasar & Governan, Pejabat Pendaftar

### KAWALAN VERSI AND KRONOLOGI PERUBAHAN

Nombor Versi	Tarikh di luluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
01	8 Ogos 2011	Senat	